

Skuad terjun raih percapaian memuaskan

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI

sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 OKT.

SKUAD negara menutup tirai saingan siri Grand Prix (GP) Terjun FINA Kuala Lumpur dengan merangkul dua emas, empat perak dan satu gangsa di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Pingat emas kedua negara diperoleh hari ini menerusi gandingan Leong Mun Yee dan Pandelela Rinong dalam acara 10 meter platform seirama wanita selepas mengumpul 311.28 mata untuk mudah menewaskan pesaing terdekat Emily Boyd-Nikita Hains dari Australiayang mengutip 280.68 mata.

Gangsa menjadi milik gandingan Korea Selatan, Kim



Sudah setahun lebih saya dengan Pandelela tidak digandingkan. Ini menyebabkan ada satu terjunan saya kurang yakin untuk melakukannya sebab sudah lama tidak bersama tetapi tetap lega kerana dapat meraih emas."

LEONG MUN YEE

Atlet terjun negara

Suji dan Cho Eunbi yang berjaya memungut 275.10 mata.

Mengulas mengenai kejayaan itu, Mun Yee berkata dia tidak menyangka kerana lebih setahun dia dan Pandelela tidak digandingkan dengan kali terakhir bersama ketika Kejohanan Siri Dunia di Beijing Mac tahun lalu yang menyaksikan mereka meraih gangsa dalam acara sama.

Bagaimanapun, kerinduan untuk berganding bersama

kembali terubat apabila dia dan penerjun dari Sarawak itu kembali beraksi bersama dan lebih manis berjaya meraih emas.

"Sudah setahun lebih saya dengan Pandelela tidak digandingkan. Ini menyebabkan ada satu terjunan saya kurang yakin untuk melakukannya sebab sudah lama tidak bersama tetapi tetap lega kerana dapat meraih emas.

"Ya, rindu terubat sebab lama

tak berganding tetapi semua atas keputusan jurulatih dan kami gembira kerana dapat menang emas bersama hari ini," katanya.

Mengulas mengenai penyertaannya dalam Sukan Komanwel tahun depan, Mun Yee menyerahkan segala keputusan di tangan jurulatih Yang Zhuliang.

"Saya masih belum tahu apa-apa, semua terpulang kepada jurulatih. Saya hanya akan terus berlatih bersungguh-sungguh," ujarnya.

Sementara itu, satu perak hadir menerusi pasangan Nur Dhabitah Sabri dan Gabriel Gilbert dalam acara 3m papan anjal seirama campuran dengan meraih 272.15 mata.

Emas menjadi milik pasangan Jepun, Reo Nishida-Hazuki Miyamoto dengan memungut 275.34 mata manakala gangsa diraih Kim Suji-Woo Haram (268.02 mata) dari Korea Selatan.



LEONG MUN YEE dan Pandelela Rinong (kanan) beraksi dalam acara 10m platform seirama Grand Prix Terjun FINA Kuala Lumpur 2017 di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR